

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**
TARIKH : **23 MEI 2016 [ISNIN]**

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa yang berlaku kepada tanah Tabung Haji yang dibeli dari 1MDB, adakah ia telah dijual dan siapa pembelinya.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu pembelian tanah oleh Lembaga Tabung Haji (**TH**) di Tun Razak Exchange (TRX), Kuala Lumpur telah beberapa kali saya jelaskan di Dewan ini, khususnya semasa menggulung Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) pada 15 Jun 2016, di mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendesak supaya **TH** tidak menjual semula tanah tersebut. Mohon Ahli Yang Berhormat merujuk semula Penyata Rasmi Parlimen (*hansard*).

Sehubungan itu, Lembaga Tabung Haji (**TH**) masih mengekalkan pemilikan tanah di Tun Razak Exchange (TRX), Kuala Lumpur dan sedang dalam proses untuk membangunkan tanah tersebut. Tanah di TRX ini bernilai tinggi dan berpotensi menjana pulangan yang baik kepada **TH** pada masa hadapan.

TH akan melaksanakan pembangunan pangsapuri perkhidmatan 40 tingkat seperti yang telah dirancang. **TH** melalui anak syarikatnya, TH Properties Sdn Bhd kini sedang dalam proses menyediakan pelan pembangunan untuk kelulusan. **TH** mengunjurkan akan memperoleh pulangan keuntungan mencecah melebihi RM177.5 juta dalam pemilikan hartanah tersebut iaitu pada kadar 8.9 peratus setahun.

Sekian, terima kasih.